

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
30 MEI 2013**

**1. MEMORANDUM PERJANJIAN PERSAHABATAN ANTARA BANDAR
METROPOLITAN GWANGJU (GWANJU METROPOLITAN CITY) DAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, MALAYSIA.**

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyertai “2013 World Human Rights Cities Forum” yang diadakan di Gwangju, Korea yang dihadiri oleh saya bersama dua orang pegawai MPSP.

Sebanyak 109 bandar dari 47 buah negara telah menyertai forum tersebut dan dianggarkan seramai 730 peserta yang terlibat. Saya telah diberi mandat untuk membentangkan kertas kerja yang bertajuk “MPSP’s Initiative on Human Rights City” dan juga menjadi panel pembahas bagi pembentangan oleh panel yang terdiri dari pelbagai negara dengan tajuk “Human Rights And Civil Servants”. Selain itu, saya juga mewakili MPSP untuk memberikan ucapan semasa Pembukaan Majlis Makan Malam di Kimdaejung Convention Center.

Di kesempatan itu, MPSP dan Bandar Metropolitan Gwangju telah menandatangani Memorandum Perjanjian Persahabatan pada 17 Mei 2013. Perjanjian ini ditandatangani oleh saya dan Datuk Bandar Gwangju, Yang Berbahagia Tuan Kang Un-tae. Perjanjian ini adalah bertujuan untuk mengeratkan persahabatan melalui perkongsian idea dan maklumat dalam bidang pentadbiran (*governance*) budaya, seni, pendidikan dan ekonomi.

2. LESEN PENGANJURAN PASAR RAMADHAN 2013/1434H

Permohonan untuk Lesen Penganjur Pasar Ramadhan akan mula dibuka mulai **31 Mei 2013** dan tarikh tutup permohonan adalah **12 Jun 2012**.

Borang-borang untuk penganjuran Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **31 Mei 2013** (Jumaat) di ;

- 1) Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda;
- 2) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth di Kompleks Makanan Kg Jawa, Butterworth;
- 3) Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan;
- 4) Atau melalui laman web MPSP.

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada **21 Jun 2013** (Jumaat).

Taklimat kepada penganjur dijadualkan akan diadakan pada 28 Jun 2013 (Jumaat).

Untuk pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian 04 – 5497685 / 847/678.

3. PROGRAM PEMERIKSAAN DAN SEMAKAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS MPSP 2013

Bermula dari Januari 2013, Jabatan Pelesenan MPSP telah menjalankan satu program pemeriksaan dan semakan pembaharuan lesen premis MPSP di seluruh kawasan Seberang Perai. Program ini telah diatur supaya dijalankan secara berterusan sehingga hujung tahun dan akan meliputi ketiga-tiga daerah Seberang Perai. Beberapa lokasi utama pusat perniagaan telah dipilih dan program ini akan ditumpukan di lokasi-lokasi tersebut.

Objektif utama program ini adalah bertujuan untuk:-

1. Memastikan premis-premis perniagaan di Seberang Perai mempunyai lesen premis MPSP yang sah
2. Memastikan premis-premis perniagaan di Seberang Perai yang telah mempunyai lesen premis MPSP membuat pembaharuan lesen untuk tahun 2013
3. Membantu memudahkan pemilik-pemilik premis perniagaan untuk membuat bayaran lesen kepada MPSP
4. Untuk mengutip hasil-hasil Majlis dari pembayaran oleh premis perniagaan.

Kaedah yang digunapakai dalam pelaksanaan program ini adalah dengan:-

1. Pegawai Jabatan Pelesenan MPSP akan membuat rondaan pemantauan ke lokasi yang dipilih dalam tempoh 2-3 hari sebelum tarikh program dan memberi makluman kepada pemilik premis tentang program ini
2. Bas Kaunter Bergerak MPSP akan dihantar ke lokasi berkenaan untuk memudahkan pemilik-pemilik premis untuk membuat pembaharuan dan permohonan lesen premis MPSP.

Program ini akan dilaksanakan secara berterusan di lokasi-lokasi yang telah dipilih. Berikut adalah merupakan jadual dan lokasi program ini bagi tahun 2013:-

Senarai lokasi yang telah dijalankan:-

TARIKH	LOKASI
30/01/2013	Chai Leng Park, Perai
16/03/2013	Summit Mall, Bukit Mertajam
21/03/2013	Teras Jaya, Raja Uda
29/05/2013	Tasek Mutiara, Simpang Ampat

Senarai lokasi yang dicadangkan:-

TARIKH	LOKASI
11/06/2013	Bertam, Kepala Batas
25/06/2013	Bunga Raya, Raja Uda
02/07/2013	Pekan Nibong Tebal
27/08/2013	Taman Gemilang, Bukit Mertajam
10/09/2013	Jalan Maju, Bukit Mertajam
08/10/2013	Megamall Pinang, Perai
12/11/2013	Pekan Sungai Dua, Butterworth
10/12/2013	Pekan Bukit Mertajam

***Nota: Tarikh sebenar program mungkin berubah mengikut kesesuaian.**

Sehubungan dengan itu, MPSP ingin menyeru pemilik-pemilik premis perniagaan di seluruh kawasan Seberang Perai supaya bersama-sama mengambil bahagian dalam program ini dengan memperbaharui lesen premis MPSP masing-masing. Adalah menjadi kesalahan kepada pemilik premis perniagaan yang beroperasi dengan tidak mempunyai lesen premis MPSP yang sah.

Untuk pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian 04 – 5497685/681/673.

4. MPSP WATCH / BETTER PENANG

MPSP Watch mula dilancarkan pada Julai 2011 melalui media facebook, manakala Better Penang Versi Apple IOS pula dilancarkan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow pada Mac 2013.

Untuk makluman semua, sebanyak 1295 maklumbalas yang diterima sejak MPSP Watch mula digunakan pada Julai 2011. Sebanyak 96 maklumbalas yang diterima pada tahun 2011 telah diselesaikan. Jumlah maklumbalas yang diterima bagi tahun 2012 adalah sebanyak 680 maklumbalas dan semua maklumbalas tersebut telah diselesaikan.

Bagi bulan Januari 2013 hingga 29 Mei 2013, sebanyak 519 maklumbalas diterima, 491 maklumbalas telah diselesaikan dan 28 maklumbalas masih dalam tindakan.

MPSP mengalu-alukan maklumbalas dari semua penduduk Seberang Perai dengan menggunakan media MPSP Watch dan aplikasi Better Penang.

Cadangan maklumbalas yang disalurkan oleh penduduk Seberang Perai amat digalakkan kerana dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

5. PERTANDINGAN FOTOGRAFIK SEBERANG PERAI

Untuk makluman semua, MPSP telah bergabung dengan George Town Festival (GTF) dan Allspire Photography dalam menganjurkan Pertandingan Fotografik dengan tema “Discover the Beauty of Seberang Perai”. Pertandingan ini akan bermula pada 1 Jun 2013 sehingga 1 Julai 2013. Manakala keputusan akan diumumkan pada 6 Julai 2013.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 2 Jun 2013. Manakala Program Senamrobik di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan akan diadakan pada hari Ahad, 16 Jun 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-

tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.